

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA
21 MEI 2014
(RABU)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bertemu lagi pada perhimpunan pagi bagi Mei 2014. Saya juga amat bersyukur dipanjangkan usia kita dan diberi kesihatan untuk terus berkhidmat di LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA bagi merealisasikan visi yang telah ditetapkan dalam agenda pembangunan negara.

2. Baru-baru ini kita telah menyambut Hari Pekerja pada 1 Mei 2014 yang lalu. Ianya bukan sekadar hari kita bercuti tetapi yang paling utama adalah meraikan golongan yang mustahak kepada pembangunan Negara selama ini. YAB Perdana Menteri telah menyebut bahawa penjawat awam merupakan nadi utama yang mendenyut dalam pembuluh negara yang sesuai dengan tema sambutan Hari Pekerja Tahun 2014, Penjawat Awam: Tiang Seri Negara.

LIMA PRINSIP/KRITERIA TIANG SERI NEGARA

3. Bagi menyokong dan menjayakan agenda Transformasi Nasional, Kerajaan sedang rancang melaksanakan transformasi Perkhidmatan Awam. Untuk itu 5 prinsip telah ditekankan oleh YAB Perdana Menteri bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan selari dengan kehendak zaman dan masa kini. **Prinsip Pertama adalah Berilmu** dimana penjawat perlu memastikan mereka berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat terutama dalam bidang keilmuan, budaya berfikir dan adab. LLM seperti sedia maklum sentiasa memberi peluang kepada semua kakitangan untuk mengikuti kursus yang melibatkan kerja hakiki dan generik. Sasaran sekurang-kurangnya setiap daripada kita menghadiri kursus selama 7 hari merupakan komitmen LLM dalam memastikan setiap warga LLM berpengetahuan dan mempunyai kreadibiliti. Hasilnya warga LLM dari hari ke hari semakin diyakini akan kemantapan pasukannya yang membawa kepada kebolehpercayaan rakyat kepada kita. **Prinsip kedua iaitu kebolehpercayaan** meliputi sifat jujur, amanah, intergriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat. Apabila kepercayaan masyarakat kepada warga LLM meningkat, sudah pasti mereka akan bertambah yakin kepada kebolehan serta kemampuan LLM menjalankan tanggungjawab sebagai agensi yang memantau pembangunan dan pengurusan lebuhraya bertol.

4. **Prinsip ketiga pula adalah budaya amalan kerja terbaik atau *best practice*.** Kita mesti fokus, berdisiplin, menepati masa dan sentiasa serius dalam pekerjaan serta mempunyai kemahiran dan kompetensi yang tinggi agar dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya berdepan dengan cabaran. Kita perlu berusaha untuk mendekati atau *engagement* rakyat dalam melakukan sesuatu tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Sebagai contoh *engagement* rakyat bagi cadangan pembinaan sesuatu lebuh raya baru yang meretasi kawasan perumahan. **LLM telah mengadakan Prinsip keempat adalah semangat patriotik** iaitu perasaan merasa bangga kerana kita ada dan memiliki sebuah negara, yang namanya Malaysia serta negara ini kitalah pemunya.

5. **Prinsip yang terakhir adalah budaya keberhasilan yang berteraskan *outcome based*.** Adalah penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang. Kita perlu menilai dari semasa ke semasa untuk memastikan LLM sentiasa *on track* dalam mencapai kesemua KPI LLM yang telah ditetapkan pada tahun ini. Setiap bahagian yang terlibat telah dipohon untuk mengemukakan pencapaian KPI bagi empat bulan pertama tahun ini iaitu dari bulan Januari hingga April 2014. Adalah diingatkan bahawa kita menggalas tanggungjawab yang sangat besar dalam memastikan segala perancangan dan usaha yang kita lakukan memberi kesan positif kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Jadi sekiranya kelima-lima prinsip ini yang telah disebutkan tadi didokong dan diamalkan oleh setiap warga LLM, maka tidak timbullah isu seperti pembaziran perolehan Kerajaan, rasuah dan salah guna kuasa.

PROSES TRANSFORMASI EKONOMI NEGARA

6. Dalam mengharungi keadaan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, kestabilan ekonomi perlu ditadbir urus berdasar Program Transformasi Ekonomi Negara yang telah dirancanakan sebelum ini. Langkah ini perlu diteruskan bagi memastikan kedudukan kewangan negara semakin mantap dan kukuh. Berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak baru-baru ini di dalam perhimpunan majlis perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan, langkah-langkah yang diambil seperti konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi termasuk memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang mana semua ini dilakukan dengan cara yang berhemah serta tidak keterlaluan supaya tidak membebankan rakyat.

7. Segala langkah yang diperkenalkan ini semata-mata mahu memastikan kedudukan ekonomi negara berada pada landasan yang betul sekali gus membolehkannya mencapai pertumbuhan dalam lingkungan lima peratus pada tahun ini. Fundamental seperti itu akan menampakkan kesungguhan serta iltizam politik yang begitu tinggi dan secara langsung keyakinan dunia termasuk agensi penarafan kepada Malaysia akan bertambah positif. Oleh yang demikian sebarang kajian semula berhubung dengan Program Transformasi Kerajaan tidak akan dilaksanakan kerana ianya akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Pihak KKR juga telah melaksanakan beberapa siri bengkel Transformasi di peringkat Kementerian dan agensi dibawahnya bagi melihat semula Pelan Strategik Organisasi dan membuat penambahbaikan yang berkaitan. Saya juga berharap LLM akan turut sama melaksanakan transformasi bagi melihat semula pelan strategik LLM.

8. Bagi meningkatkan pemahaman warga LLM mengenai pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* (GST) yang diperkenalkan bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau *Sales Tax and Services Tax*, saya telah meminta supaya satu taklimat mengenainya diadakan di LLM. Saya percaya Kerajaan memperkenalkan GST dengan tujuan menangani kelemahan sistem percukaian sedia ada.

MEMPERSIAPSIAGAKAN GENERASI PELAPIS PENJAWAT AWAM/PEKERJA NEGARA HARI MUKA

9. Dalam usaha memajukan organisasi, warga LLM perlu peka mengenai cabaran-cabaran yang harus ditempuhi supaya Negara sentiasa berada dalam keadaan kompetitif. Berdasarkan laporan Future State 2013 oleh Universiti of Toronto mengenai cabaran utama yang memberi impak besar kepada perkhidmatan awam mulai sekarang hingga tahun 2030 ialah perubahan demografi. Apa yang dimaksudkan perubahan demografi ini adalah jumlah tenaga kerja yang dikuasai oleh Generasi X dan Generasi Y. Berdasarkan statistik, 72.7% daripada penjawat awam terdiri daripada Generasi X dan Y berbanding Baby Boomers (generasi yang lahir antara 1946 sehingga 1964) sebanyak 27.3%. Justeru itu, generasi muda dan pelapis ini mempunyai peranan yang besar dan mereka ini perlu diberi peluang bersuara dan meluahkan pendapat agar pertembungan idea baru dan lama dapat diharmonikan dalam menentukan halatuju LLM.

PLATFORM KOMUNIKASI TERKINI DALAM MERAKYATKAN KERAJAAN

10. Sepertimana kita sedia maklum Dunia hari ini menyaksikan perkembangan dan perubahan yang pesat dalam bidang ICT. Pelbagai inovasi dihasilkan sehingga membolehkan komunikasi dan interaksi manusia kini, lebih pantas, cepat serta berupaya melampaui batasan masa dan tempat. Kemunculan fenomena baharu seperti cloud computing dan nexus of forces telah merubah dunia ke dimensi baharu yang lebih sofistikated dan berimpak besar kepada perubahan politik, ekonomi dan sosial manusia. Dengan tercetusnya fenomena baharu ICT ini, maka muncullah masyarakat bermaklumat dengan landskap baharu dunia di mana maklumat menjadi sumber strategik, satu bentuk pelaburan dan asas kepada aktiviti manusia. Dengan kewujudan aplikasi mudah alih seperti *mobile apps*, maklumat boleh diperolehi hanya dihujung jari. Sebagai contoh aplikasi yang dibangunkan oleh PLUS Bhd bagi menyalurkan maklumat trafik di lebuh raya di bawah seliaan PLUS. Jabatan Kerja Raya (JKR) juga telah

membangunkan *mobile apps* bagi Aduan Jalan yang kini dalam tempoh percubaan. Selain daripada itu, penyaluran maklumat dan sistem penyampaian melalui Portal rasmi LLM amat penting dalam usaha menyebarkan maklumat perkhidmatan LLM. Untuk makluman para hadirin, LLM sentiasa berusaha memastikan kandungan portal rasminya sentiasa dikemaskini dan sahih dalam menyalurkan informasi yang diperlukan pelanggan. Ini dibuktikan melalui Pengiktirafan Portal 5 Bintang ke atas portal LLM oleh pihak Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDeC) melalui Penilaian Laman Web/Portal Agensi Kerajaan Malaysia (*Malaysia Government Portals and Website Assessment - MGPWA*) bagi tahun 2013. Tahniah dan syabas diucapkan kepada mereka yang terlibat.

11. Kita juga berhadapan dengan cabaran yang timbul daripada penggunaan media sosial yang meluas. Kerajaan melalui Ketua Setiausaha Negara telah memulakan dasar keterbukaan dan sering menerima maklum balas secara langsung daripada pelanggan, iaitu rakyat. Ruang diberikan untuk lebih rapat dengan masyarakat melalui media sosial, antaranya melalui Facebook, Twitter dan sebagainya. Persoalan-persoalan yang dikemukakan memerlukan maklum balas dan penyelesaian yang pantas. YB Menteri Kerja Raya juga begitu aktif menggunakan platform seumpama ini dan mengkehendaki maklum balas awalan diberikan dalam masa 4 jam. Ini menjadi satu cabaran kerana banyak soalan yang telah dikemukakan melalui media baru yang kini menjadi sumber utama untuk mengemukakan idea selain melalui akhbar-akhbar.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan di perhimpunan kali ini, besar harapan saya agar seluruh warga LLM berusaha menjalankan tugas dengan beramanah dan berintegriti, khususnya demi menjaga nama baik perkhidmatan awam. Pada zaman siber ini, setiap tindakan dan keputusan kita sentiasa dinilai dan dikritik oleh masyarakat di luar sana melalui pemerhatian mereka dalam dunia bermaklumat tanpa sempadan. Justeru,

peliharalah integriti kita sebagai penjawat awam agar tidak menggugat keutuhan perkhidmatan yang disediakan oleh LLM,

Sekian, wabillahitafik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.